
KEDUDUKAN ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM MENENTUKAN HUKUM 'IDDAH DAN KESANNYA TERHADAP MAQASID SYARIAH

Nur Mardia binti Mazri
Kuliyyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: mardya94@gmail.com, Tel: 013-6694024

Zubair bin Amir Nur Rashid
Kuliyyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: abdullahzubair04@yahoo.com, Tel: 013-4715217

Dr Nan Noorhidayu binti Megat Laksamana
Kuliyyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: nanhidayu@yahoo.com, Tel: 013-2391877

Dr Mohd Fuad bin Md Sawari
Kuliyyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: sawari@iium.edu.my, Tel: 019-2251267

ABSTRAK

Islam memerintahkan perempuan yang diceraikan atau kematian suami ber'*iddah* dalam tempoh yang telah ditetapkan. Perintah ini disebut secara jelas di dalam Al-Quran dan telah disepakati oleh para ulama'. Antara hikmah yang terbesar ialah untuk menjaga maqasid shariah iaitu memelihara nasab keturunan manusia. Hal ini adalah kerana perempuan yang ber'*iddah* tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain dalam tempoh tersebut. Justeru, ini mengelakkan percampuran benih suami dan memastikan kesucian rahim wanita. Namun begitu, kemajuan ilmu sains dan teknologi hari ini telah membantu banyak penemuan baru dengan bantuan alatan canggih. Antaranya, kita dapat memeriksa kesucian rahim wanita dan mengetahui hasilnya secara tepat dan pantas. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana penggunaan alatan teknologi moden ini dapat menggugurkan kewajipan '*iddah* bagi kaum wanita dan bagaimana hubungkaitnya dengan maqasid shariah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan perpustakaan yang divedok daripada Al-Quran, hadith, kitab para ulama' empat mazhab serta jurnal dan artikel ilmiah yang mempunyai perkaitan dengan masalah ini. Hal ini bertujuan untuk memahami konsep '*iddah* serta hikmahnya sehingga masalah ini dapat ditafsirkan dalam konteks yang sebenar menurut perspektif maqasid shariah. Hasil kajian ini mendapati kewujudan alatan tersebut tidak dapat menggugurkan hukum dan kewajipan '*iddah* bagi para isteri. Hal ini adalah kerana memastikan kesucian rahim wanita hanya salah satu daripada hikmah '*iddah* sedangkan di sana ada maqasid yang lebih besar iaitu memperhambakan diri kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Selain itu, di samping menjaga masalah isteri, '*iddah* turut disyariatkan untuk menjaga masalah suami dan anak-anak.

Kata kunci: '*Iddah*, Teknologi, Wanita, Rahim, Maqasid Syariah.

PENDAHULUAN

Allah s.w.t telah mensyariatkan perkahwinan dengan tujuan untuk mewujudkan ketenangan hidup, menimbulkan kasih sayang di antara suami dan anak-anak serta untuk meneruskan keberlangsungan zuriat keturunan Adam di muka bumi ini. Perkahwinan disifatkan sebagai *mithaqan ghaliza* iaitu suatu ikatan yang kukuh sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran. Firman Allah s.w.t:

وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا

“Dan mereka mengambil pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?” Q.S An-Nisa': 21.

Dan Firman Allah s.w.t yang lain menceritakan tujuan perkahwinan ini iaitu:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda kebesaranNya (Allah) itu bahawa Dia menjadikan bagi kamu pasangan hidup, agar dengannya kamu mendapatkan ketenangan. Kemudian Allah mencipta di antara kamu berdua mawaddah (kasih sayang) dan rahmah (belas kasihan). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berfikir.” Q.S Ar-Rum: 21.

Namun begitu tidak dapat dinafikan, dalam mengemudi bahtera perkahwinan, timbul masalah-masalah tertentu yang dapat meruntuhkan institusi perkahwinan. Justeru, dalam isu ini Islam memberikan jalan keluar untuk pasangan suami isteri dengan penyariatkan *talaq*. *Talaq* diharuskan di dalam Islam kerana ia mengandungi masalah tertentu untuk menjaga hak suami, isteri mahupun anak-anak. Islam turut menggariskan hukum-hukum khusus yang berkaitan dengan *talaq* demi menjaga kemaslahatan semua pihak. Hal ini adalah kerana Islam menggalakkan melakukan kebaikan di dalam semua aspek termasuk hal yang berkaitan dengan *talaq*. Firman Allah s.w.t:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ...

“Dan sekiranya kamu menceraikan perempuan-perempuan (isteri-isteri kamu), lalu telah tamat 'iddahnya, maka tahanlah mereka dengan cara yang baik atau ceraikanlah mereka dengan cara yang baik”. Q.S Al-Baqarah: 231.

Ayat di atas jelas menunjukkan terdapat hukum-hukum lain yang terkandung di bawah hukum *talaq*. Di antaranya ialah hukum 'Iddah. 'Iddah disyariatkan kepada wanita yang telah dicerai oleh suami ataupun kematian suami. 'Iddah disyariatkan bertujuan untuk memelihara kemaslahatan yang kembali kepada suami, isteri, keluarga dan masyarakat. Kemaslahatan 'iddah ialah untuk melindungi dan memelihara keturunan daripada percampuran benih bekas suami dengan lelaki yang bakal dikahwini. Hal ini adalah kerana kesucian wanita dalam tempoh 'iddah tanpa berkahwin dapat diketahui dari kekosongan rahimnya daripada sebarang janin. Selain itu, 'iddah juga disyariatkan untuk menunjukkan kehormatan kepada para suami bagi wanita yang kematian suami.

Dewasa ini, kita menyaksikan perkembangan ilmu sains dan teknologi merentas semua bidang. Hasil-hasil yang telah dicapai sangat membanggakan dan memberi manfaat yang besar kepada tradisi keilmuan Islam itu sendiri. Beritik tolak daripada hal ini, ia telah membuka ruang ijtihad yang lebih besar kepada para ulama' untuk mengkaji penggunaan teknologi dan implikasinya terhadap sesuatu hukum. Dengan kecanggihan teknologi ini juga, kesucian rahim para wanita dapat diketahui dengan menggunakan alat tertentu seperti alat tes kehamilan atau *testpack* (*home pregnancy test*) dan Ultrasonografi (USG) atau *ultrasound* dalam bahasa inggeris. Justeru, kecanggihan alatan teknologi dalam bidang perubatan ini sehingga dapat menentukan kesucian rahim wanita sudah tentu mempunyai perkaitan langsung dengan hukum 'iddah. Secara logiknya, ketika permasalahan 'iddah untuk mengetahui kesucian rahim wanita boleh dilakukan dengan *testpack* mahupun USG, maka fungsi 'iddah tersebut tidak berlaku lagi. Namun begitu, terdapat perbincangan panjang daripada para ulama' dan fuqaha' mengenai hal tersebut. Sejajar dengan hal ini, penulis terpanggil untuk mengkaji perbincangan 'iddah dan hikmahnya dari perspektif Maqasid Syariah dengan lebih mendalam serta bagaimana peranan teknologi dalam menentukan hukum 'iddah.

1.0 Teknologi dan Kedudukannya dalam Syariah

1.1 Definisi Teknologi

Teknologi dikatakan berasal daripada perkataan Greek 'tekhne' yang bererti seni dan hasil kreatif, manakala 'logia' pula bermaksud lapangan pembelajaran. Secara literalnya difahami bahawa teknologi ialah pembelajaran atau sains berasaskan hasil kreativiti. (Saetler, 1968, 1990) pula menjelaskan teknologi bukan bererti penggunaan mesin sahaja, tetapi meliputi penggunaan pengetahuan saintifik. Kamu Dewan pula memberikan maksud bahawa teknologi ialah aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains dan tujuan praktikal di dalam industri pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain. Justeru, ia dapat disimpulkan di sini bahawa teknologi merupakan aplikasi pengetahuan saintifik ke dalam kegiatan harian yang praktikal dan

memberi manfaat kepada manusia secepat. Hal ini jelas menunjukkan teknologi berperan utama untuk mempercepat urusan dan memberi kemudahan kepada manusia.

1.2 Kedudukan Teknologi dalam Syariah

Islam merupakan agama yang dinamik serta memberi ruang kepada setiap perubahan yang berlaku dengan cara pelenturan hukum yang bersifat anjal dan fleksibel. Berasaskan ruang inilah maka kita dapati bahawa perkembangan pesat kehidupan manusia yang didasari oleh ilmu sains dan teknologi sebenarnya turut diraikan oleh agama. Islam tidak pernah menolak kemunduran malah sentiasa menggalakkan umatnya untuk membina kemajuan dalam hidup dengan ilmu dan pengetahuan. Bukti yang menyokong kenyataan ini adalah berdasarkan sejarah Islam dan apa yang dibawa oleh baginda nabi s.a.w itu sendiri.

Penerimaan terhadap teknologi perubatan, pertanian dan ketenteraan adalah antara bukti yang nyata dan jelas berkenaan hal ini. Malah jika kita meneliti nas Al-Quran, kita akan mendapati bahawa Islam sangat menggalakkan penggunaan teknologi sebagai satu medium untuk berinteraksi dengan kehidupan. Secara umumnya adalah seperti menggalakkan umat Islam untuk memanfaatkan ciptaan Allah bagi kegunaan mereka di dalam kehidupan seharian seperti Firman Allah s.w.t:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مِمَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَمِمَّا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً ...

“*Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin?*” Q.S Luqman: 20.

Selain itu, ada ayat yang lebih khusus yang menceritakan tentang keperluan menyediakan kelengkapan ketenteraan jika diserang oleh musuh. Firman Allah s.w.t:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ...

“*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, dan dengan persediaan itu dapat menggerunkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu*” Q.S Al-Anfal: 60.

Berdasarkan ayat di atas amat jelas saranan penyediaan alatan dan kekuatan ketenteraan yang bersifat moden dan seiring dengan keperluan zaman. Di samping itu, sirah Rasulullah s.w.t telah membuktikan bahawa baginda juga telah mengaplikasikan idea berasaskan sains dan teknologi antaranya pendebungaan buah tamar dan teknologi pembinaan parit ketika perang *Khandak*. Tuntasnya, Islam sangat meraikan penggunaan sains dan teknologi dalam kehidupan selagi mana ia membawa masalah serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam dan kaedah-kaedah yang disepakati oleh para fuqaha'. Justeru, perbincangan sesuatu hukum dan penggunaan teknologi dalam menentukan hukum tersebut perlu dilihat secara menyeluruh dari segi peletakan hukum, hikmah dan masalah sesuatu hukum. Boleh jadi penggunaan teknologi diharuskan dalam menentukan permasalahan hukum yang pertama dan tidak pada permasalahan hukum yang lain.

2.0 Masalah 'Iddah dan Kedudukannya dalam Syariah

2.1 Defini 'Iddah menurut bahasa dan istilah

Menurut bahasa 'iddah ialah kata nama *masdar* (*ism masdar*) daripada kata kerja 'adda ya'uddu 'addan (عدي-عدا), manakala *masdar* (kata terbitan)nya pula ialah 'uddan. Kalimah 'iddah tersebut pula diambil daripada perkataan *al-'adad* (العدد) yang bermaksud ukuran daripada sesuatu yang dihitung jumlahnya. Ia meliputi bilangan yang menunjukkan *quru'* dan bulan. Perkataan ini digunakan untuk maksud 'iddah kerana perempuan yang ber'iddah menunggu berlalunya waktu sama ada dihitung melalui *quru'* atau bulan. Menurut Sayyid Sabiq (2005), yang dimaksudkan dengan 'iddah dari segi bahasa ialah perempuan (isteri) menghitung hari-hari dan masa-masa bersihnya. Sementara al-Jaziri (2003), menyebut bahawa kata 'iddah mutlak digunakan untuk menyatakan hari-hari haid perempuan atau hari-hari sucinya. Dengan demikian dapat difahami bahawa 'iddah dari segi bahasa dapat diertikan masa-masa haid atau masa-masa suci.

Dari segi istilah pula terdapat beberapa definisi 'iddah yang dikemukakan oleh para fuqaha'. Menurut al-Jaziri (2003), 'iddah menurut istilah ialah suatu tempoh masa yang merujuk kepada bilangan bulan atau dengan melahirkan dan di dalam tempoh tersebut perempuan itu dilarang berkahwin dengan lelaki lain. Sementara itu, Sayyid Sabiq (2005), menjelaskan bahawa 'iddah merupakan satu istilah yang merujuk kepada lamanya masa perempuan untuk menunggu dan tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain setelah diceraikan atau kematian suaminya. Manakala Abu Zakariyya Al-Ansari (1997), memberi definisi yang lebih mendalam iaitu 'iddah ialah tempoh masa menunggu bagi seorang perempuan untuk mengetahui *baraatur rahim* (kesucian rahim) atau untuk *Ta'abbud* (beribadah) atau untuk *Tafajju'* (bela sungkawa) terhadap suaminya. Ketiga-tiga definisi ini mempunyai persamaan antara satu sama lain iaitu tempoh masa untuk perempuan menunggu dan tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain dalam tempoh tersebut. Namun, menurut penulis definisi yang ketiga ialah definisi yang paling kuat kerana ia bertepatan dengan pensyariatan 'iddah iaitu untuk memelihara empat hak dan di antaranya ialah hak Allah, suami, isteri dan anak-anak.

2.2 Kedudukan 'Iddah dalam Syariah

Di dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang menunjukkan hukum 'iddah, antaranya ialah, Firman Allah s.w.t:

والمطلقات يتربصن بأنفسهن ثلاثة قروء...

"Dan wanita-wanita yang ditalaq hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru" Q.S Al-Baqarah: 228.

وَالَّذِينَ يَتُوفُونَ مِنْكُمْ وَيُذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا...

"Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menagguhkan dirinya (ber'iddah) empat bulan sepuluh hari" Q.S Al-Baqarah: 234

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَكَخْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا...

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum menggaulinya, maka sekali-kali tidak wajib ke atas mereka 'iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya" Q.S Al-Ahzab: 49.

Di samping itu, pensyariatan 'iddah turut dinyatakan di dalam hadith, antaranya ialah:

عن الأسود عن عائشة قالت : أمرت بريرة أن تعتد بثلاث حيض

"Diriwayatkan daripada Aswad dari 'Aisyah berkata: Saya telah memerintahkan Barirah untuk ber'iddah tiga kali haid", hadith riwayat Ibnu Majah.

Berdasarkan nas Al-Quran dan hadith di atas, jelas telah menjelaskan kewajipan 'iddah dan tempohnya secara terperinci. Sejalan dengan hal tersebut, maka para ulama' telah bersepakat (*ijma'*) bahawa hukum 'iddah adalah wajib bagi isteri yang diceraikan atau kematian suami. Para ulama' hanya berbeza pandangan dalam beberapa persoalan cabang sahaja.

3.0 Pensyariatan 'Iddah serta Hubung Kaitnya dengan Maqasid Syariah

3.1 Pengenalan dan Pembahagian Maqasid Syariah

3.1.1 Pengenalan Maqasid Syariah

Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid adalah bentuk *jamak* (plural) daripada *maqasidun* yang bererti tujuan. Asal perkataan ini daripada bahasa Arab iaitu dari kata kerja *qasada-yaqsudu-qosdan* (قصد-يقصد-قصدًا). Perkataan ini membawa pelbagai makna antaranya menuju, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan *al-qasid* pula bererti tongkat. Tongkat memberi faedah di dalam hidup manusia kerana dapat membantu dan menuntunnya ketika berjalan. Manakala as-syariah bererti jalan menuju sumber air. Ia juga dikatakan sebagai jalan menuju ke arah sumber kehidupan. Seorang cendekiawan Islam ketika membahaskan teori maqasid al-syariah atau matlamat akhir syariat Islam ini telah mengaitkan makna bahasa 'menuju' dengan istilah *al-maqasid*, beliau berkata di dalam bukunya : "Sesungguhnya seruan ke arah *al-qasadiyyah* (objektif atau tujuan syariat adalah tugas pertama syariat Islam. Ia menuntun dan membawa perbuatan seseorang manusia kepada perbuatan, yang mana perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang dengan niat yang bertepatan dengan Allah s.w.t ketika mensyariatkannya ke atas manusia", (Ismail Al-Hasani, 1995).

Jika kita menelusuri sejarah karya ulama' Islam, kita mendapati ulama' menyenaraikan pelbagai definisi yang menerangkan tentang maqasid syariah. Imam as-Syatibi (1388), merupakan di antara tokoh terawal dalam mempelopori bidang ilmu maqasid syariah. Namun begitu, beliau lebih cenderung menjelaskan teori maqasid syariah tanpa memberikan definisinya. Oleh itu, beberapa pengkaji maqasid yang lain cuba memperhalusi kitab Imam as-Syatibi dan mengeluarkan definisi menurut pandangan ulama' tersebut iaitu maqasid syariah ialah maksud Allah yang boleh diketahui melalui perkara-perkara berikut:

Pertama, maksud dan matlamat akhir atau objektif syariat Islam ialah supaya dilaksanakan sesuatu hukum yang diminta untuk melaksanakannya dan meninggalkan perbuatan yang dilarang melakukannya. Kedua, matlamat akhir syariat Islam supaya dilaksanakan sesuatu maksud dan pengertiannya yang difahami secara terus daripada Al-Quran dan al-sunnah tanpa menggunakan al-qiyas dan sebagainya. Ketiga, Matlamat akhir syariat Islam untuk memperolehi maksud-maksud yang menjadi tujuan kepada pelaksanaan hukum.

Manakala Imam Ibnu Asyur (1868), pula, ketika menghuraikan definisi maqasid syariah, beliau memecahkannya kepada dua iaitu maksud umum dan maksud khusus. Maksud umum bagi syariat Islam ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diperhatikan daripada Allah pada setiap perkara yang disyariatkanNya atau sebahagian besar daripadanya. Selain itu, matlamat umum ini juga merangkumi hikmah-hikmah yang tidak diketahui pada keseluruhan hukum-hukum tetapi dapat diperhatikan pada sebahagian besar daripada hukum-hukum yang disyariatkan. Manakala maksud khusus ialah cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat samada

untuk mencapai maksud-maksud yang berfaedah untuk manusia atau memelihara kepentingan umum mereka pada tindakan khusus mereka.

Imam 'Ilal al-Fasi (1974), pula menjelaskan maqasid syariah ialah objektif atau rahsia-rahsia yang dijadikan oleh syariat di sebalik setiap hukum-hukum yang telah disyariatkan.

Manakala definisi menurut Ahmad Ar-Raisuni (1995), ialah objektif-objektif yang mahu dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan hamba-hambanya dalam mensyariatkan sesuatu hukum.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa maqasid syariah ialah makna dan tujuan yang dijaga oleh syariat Islam dalam pembentukan hukum Islam demi memelihara kemaslahatan sejagat.

3.1.2 Pembahagian Maqasid Syariah

Para ulama' silam antaranya Al-Baji (1986) telah membahagikan teori maqasid syariah mengikut kekuatannya kepada tiga iaitu:

- *Ad-Dharuriyat*- Teori *ad-dharuriyat* merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia berdiri dengannya. Jikalau tidak, berlaku kepincangan kepada kehidupan manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi serta mendapat siksa di akhirat. Teori *ad-daruriyat* yang asasi terbahagi kepada lima iaitu *kuliyat al-khams* yang merujuk kepada agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Segala urusan agama dibina atas masalah-masalah asasi ini. Di samping itu, para ulama' menetapkan kewujudan tertib di antara lima jenis masalah tersebut iaitu kepentingan agama diletakkan paling atas dan utama kemudian kepentingan jiwa, akal, keturunan dan harta. Imam al-Ghazali telah menerangkan maqasid syariah yang dharuri mengikut urutannya :

Masalah yang lima ini memeliharanya terletak pada tahap dharuri. Iaitu yang paling kuat dalam masalah. Contohnya, syarak menetapkan orang kafir yang menyesatkan orang lain dibunuh, demikian juga penganut bid'ah yang mengajak orang lain kepada bid'ahnya kerana ia boleh merosakkan agama orang lain. Selain itu, syarak menetapkan wajib qisas terhadap pembunuhan untuk memelihara nyawa, mewajibkan hukum had kepada peminum arak demi menjaga akal kerana akal itu yang menjadi sebab taklif, mewajibkan hukuman zina bagi menjaga keturunan dan wajib menghukum pembongkar kubur dan pencuri kerana dengannya terpelihara harta yang menjadi keperluan hidup manusia.

- *l-Hajiyat* – ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan melenyapkan kesempatan yang membawa kepada kesulitan apabila ketiadaannya. Adapun ketika ketiadaannya tidak pula membawa kepincangan yang besar kepada kehidupan manusia sebagaimana *ad-dharuriyat*. Sebagai contoh, pensyariatan *rukhsah*, perkahwinan, pengangkutan dan akad sewaan. Walau bagaimanapun, apabila ketiadaan kehendak-kehendak ini dalam masyarakat, ia berpindah dari peringkat *al-hajiyat* kepada *ad-dharuriyat*. Kaedah fiqh menyatakan, “Sesuatu kehendak (*al-hajat*) apabila tersebar, bertukar menjadi satu keperluan asas (*ad-dharuriyat*)”.

- *Al-Tahsiniiyat*- merupakan kepentingan yang dituntut oleh maruah yang mengkehendaki berpegang dengan adat-adat yang baik dan budi pekerti yang mulia, sekiranya ia tidak ada, ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang yang berakal. Menurut Muhammad Said Ramadhan Al-Buti (2000), *tahsiniiyat* ialah menggunakan segala perkara yang layak dan wajar untuk kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat.

Di samping itu, para sarjana Islam moden telah memperkenalkan konsep dan pembahagian baru dalam ilmu maqasid dengan mempertimbangkan dimensi-dimensi baru yang dilihat lebih sesuai untuk menimbang masalah bagi permasalahan global pada hari ini. Mereka membahagikan maqasid kepada tiga peringkat iaitu:

- *Maqasid al-Ammah*- Maqasid ini dilihat dalam setiap bab perundangan Islam seperti *ad-dharuriyat* dan *al-hajiyat*. Sebagai contoh, maqasid *al-adalah* (keadilan) dan *al-taysir* (kemudahan).

- *Maqasid al-Khassah*- Maqasid ini dilihat pada bahagian tertentu daripada perundangan Islam. Antaranya seperti kebajikan anak-anak dalam undang-undang keluarga, pencegahan jenayah dalam undang-undang jenayah serta pencegahan monopoli dalam undang-undang kewangan.

- *Maqasid al-Juziyyah*- Maqasid ini dilihat pada objektif sesuatu hukum yang disyariatkan. Apabila Allah mensyariatkan sesuatu hukum, ia mempunyai matlamatnya tersendiri.

3.2 'Iddah dari Perspektif Maqasid Syariah

Seperti kita sedia maklum, semua hukum yang terkandung di dalam ajaran Islam adalah untuk mendatangkan masalah dan menolak kemudaratan bagi umat manusia. Begitu juga dengan hukum 'iddah. Pensyariatan 'iddah dan segala cabang yang terkandung di dalamnya adalah jalan untuk mencapai maqasid syariah yang utama dan *maqasid juz'iyah*. Maqasid syariah yang utama ialah *Kuliyat Al-Khams* atau prinsip asas yang lima manakala *maqasid juz'iyah* ialah hikmah pensyariatan 'iddah itu sendiri.

Pensyariatan 'iddah adalah untuk mencapai lima prinsip asas yang utama (*kuliyat al-khams*) iaitu seperti berikut:

Memelihara Agama (*Hifz ad-din*) – Memelihara agama bermaksud memelihara asal agama, iaitu asal keimanan kepada Allah iaitu dengan meletakkan prioriti utama pada apa yang syariah turunkan bagi merealisasikan masalah dan menjauhi segala larangan dan kepercayaan yang bertentangan dengan syariah. Di antara hikmah ‘iddah ialah konsep *ta’abbudi* iaitu beribadah kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Hal ini telah dikemukakan oleh ulama’ Syafi’iyyah bahawa ‘iddah dimaksudkan untuk mengetahui kesucian rahim isteri atau bela sungkawa atas kematian suami kerana untuk memanifestasikan pengabdian diri kepada Allah. Konsep *ta’abbudi* ini adalah matlamat paling penting kerana itulah falsafah dan matlamat utama penciptaan manusia di muka bumi ini. Firman Allah s.w.t:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Dan Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku” Q.S Az-Zariyat: 56.

Memelihara jiwa (*Hifz al-nafs*) –Islam mengajarkan kepada umatnya prinsip-prinsip kesihatan dan kesucian lahir mahupun batin. Kesihatan rohani dan jasmani merupakan elemen yang saling melengkapi antara satu sama lain kerana kedua-duanya menjadi syarat untuk memperoleh kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Pensyariatan ‘iddah adalah untuk memelihara nyawa kerana hasil kajian saintifik telah mendapati bahawa perempuan yang ber ‘iddah dapat mengelakkan diri daripada dijangkiti oleh Penyakit Menular Seksual (PMS) (Nurung Radliyah, 2009). Ianya disebabkan oleh percampuran lebih daripada satu benih di dalam rahim perempuan atau berganti-ganti pasangan. Selain itu, ‘iddah dapat mengelakkan kanser rahim dan juga penyakit HIV dan aids kerana dalam tempoh tersebut kajian perubatan mendapati unsur genetik sperma pada rahim dapat dioriginalkan. Sebagaimana fakta saintifik yang telah dikemukakan oleh seorang professor teksikologi dari Universiti Kalifornia, Amerika Syarikat, hal ini adalah kerana di dalam tubuh perempuan adanya sel-sel imunisasi yang memiliki memori genetik. Sel-sel ini boleh hidup selama 120 hari di dalam sistem reproduksi wanita. Oleh itu, kemasukan benda asing seperti air mani akan mengganggu sistem kekebalan tubuh dan menatijahkan penyakit kanser (Dr Jamal Eddin Ibrahim, 2010). Jelas sekali, ini mempunyai perkaitan langsung dengan pensyariatan ‘iddah yang diwajibkan selama tiga bulan atau lebih. Oleh itu, ‘iddah adalah jalan yang Allah sediakan untuk menjaga kesihatan para wanita dan mengelakkan daripada terdedah kepada penyakit berbahaya yang mana mencapai maqasid memelihara nyawa itu sendiri.

Memelihara keturunan (*Hifz an-nasab*) - Memelihara keturunan ialah memelihara asal usul keturunan manusia dengan menggalakkan perkahwinan mengikut syariah dan mengharamkan segala bentuk perbuatan yang boleh merosakkan keturunan seperti rogol, zina, liwat dan homoseksual. Pensyariatan ‘iddah ialah salah satu cara untuk memelihara keturunan manusia. Antara hikmah ‘iddah yang terbesar juga ialah *baraatur rahim* iaitu memastikan kebersihan dan kesucian rahim. Hal ini demi mengelakkan percampuran benih bekas suami dan suami yang bakal dinikahi dalam rahim seorang perempuan. Di samping itu, ia adalah untuk menghilangkan keraguan tentang kesucian rahim perempuan tersebut, sehingga tidak timbul keraguan tentang nasab anak yang dikandungnya dengan lelaki yang bakal dikahwininya pada masa akan datang.

Memelihara harta (*Hifz al-Mal*) – konsep memelihara harta ini bermaksud Islam menyuruh manusia mencari rezeki yang halal dan melarang sebarang bentuk pencerobohan terhadap harta benda seperti mencuri dan merompak. Di dalam pensyariatan ‘iddah konsep memelihara harta dapat dilihat melalui hak isteri dan anak-anak ke atas suami dalam tempoh ‘iddah. Menurut kesepakatan ulama’ fiqh, perempuan yang menjalani ‘iddah akibat *talaq raj’i* sama ada hamil atau tidak berhak mendapat semua nafkah yang diperlukan daripada suaminya itu. Sementara isteri yang dicerai dengan *talaq ba’in samada ba’in sughro* atau *ba’in kubro* juga wajib ditanggung nafkah dirinya dan tempat tinggal ke atas para suami sekiranya dia hamil. Manakala isteri yang kematian suami sementara dia hamil juga berhak mendapat nafkah dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, ulama’ berbeza pandangan bagi isteri yang kematian suami dalam keadaan tidak hamil. Sebahagian ulama’ antaranya Imam Malik, Syafi’e dan Abu Hanifah berpendapat bahawa isteri dalam ‘iddah wafat berhak ke atas tempat tinggal suaminya. Manakala sebahagian ulama’ lain antaranya Imam Ahmad berpendapat bahawa isteri tersebut tidak berhak mendapat tempat tinggal kerana Allah telah menentukan peninggalan berbentuk harta warisan akibat kematian suaminya itu. Kesemua hukum-hukum ini mempunyai matlamat yang jelas untuk menjaga masalah isteri dan anak-anak daripada sudut harta dalam tempoh tersebut. Justeru, ini dapat mengelakkan para isteri mahupun anak-anak kehilangan punca kewangan sekelip mata selepas sehari dicerai, malah tempoh tersebut memberi ruang waktu untuk isteri bertenang sebelum mencari sumber rezeki lain pula setelah habis tempoh ‘iddah.

Memelihara aqal (*Hifz al-aql*) – Konsep memelihara akal tidak dikaitkan secara jelas dalam pensyariatan ‘iddah. Namun begitu, ia terkandung di dalam *maqasid juz’iyyah* iaitu ‘iddah merupakan tempoh bertenang bagi suami dan isteri untuk berfikir kembali keputusan tersebut dan memberi peluang kepada mereka untuk merujuk kembali. Justeru, ini menunjukkan bahawa Islam sangat menitikberatkan kewarasan dan pertimbangan akal yang sihat dalam membuat keputusan. Tempoh masa yang panjang membolehkan para suami mahupun isteri untuk merenung kembali dan berfikir melalui sisi pandang yang berbeza menggunakan akal yang jernih setelah mereka menghadapi keadaan rumah tangga yang keruh dan bergolak sehingga membawa kepada perceraian. Boleh jadi suami atau isteri tertekan dengan situasi tertentu, atau di bawah pengaruh alkohol atau berada dalam kemarahan melampau sehingga mengakibatkan perceraian itu berlaku. Hal ini adalah kerana *talaq* merupakan suatu perkara yang tidak boleh dibawa main-main dan tetap berlaku walau dalam keadaan apa sekalipun. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh baginda nabi s.a.w melalui sabdanya:

ثلاث جدهن جد و هزلهن جد : النكاح و الطلاق و الرجعة

“ Tiga perkara yang apabila dilakukan dengan sungguh-sungguh dianggap sah, dan apabila dilakukan dengan bergurau juga dianggap sah, yaitu : nikah, thalaq dan ruju ” (HR. Tirmidzi)

Islam sangat meraikan fitrah manusia ini dengan memberikan jalan keluar melalui pensyariatan ‘iddah. Di samping itu, Islam sangat menggalakkan penggunaan akal dan pertimbangan yang jitu dalam membuat keputusan apatah lagi keputusan yang

melibatkan jatuhnya *talaq*. Justeru, tempoh '*iddah* yang lama perlu dimanfaatkan oleh suami isteri untuk berbincang dengan baik dan rasional serta mengeneppikan emosi dan amarah.

3.3 Hikmah Pensyariatian '*Iddah*

Hukum '*iddah* telah dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran. Namun begitu, hikmah pensyariatian '*iddah* tidak dinyatakan secara langsung. Oleh itu, para fuqaha' telah berijihad menerusi nas-nas Al-Quran dan Hadith untuk merasionalkan hukum yang telah ditetapkan oleh *musyarri'* (Allah) itu sendiri. Di dalam kitab *Hikmah at-Tasyri' wa Falsafatuhu* disebutkan hikmah yang terkandung dalam '*iddah* cukup banyak antaranya ialah:

- Pertama, memastikan rahim wanita bebas atau bersih daripada terkumpul di dalamnya air mani dua lelaki atau lebih di dalam satu rahim. Hal ini adalah kerana perkara tersebut boleh membawa kepada percampuran nasab yang sangat ditegah di dalam Islam dan tidak boleh diterima oleh akal yang sihat.
- Kedua, ia adalah lambang untuk menunjukkan penghormatan dan pengagungan kepada akad nikah.
- Ketiga: memanjangkan tempoh kemungkinan untuk merujuk kembali bagi suami yang menceraikan isterinya dengan *talaq raj'i*.
- Keempat, memberi penghormatan kepada hak suaminya jika suami tersebut berpisah kerana meninggal dunia dan menunjukkan dukacita atas kematiannya.
- Kelima, berhati-hati dengan hak suami baru sehingga jelas.

Di samping itu, menurut Imam Zakariyya An-Ansari tujuan '*iddah* ialah untuk mengetahui kebersihan rahim perempuan, untuk melaksanakan ibadah dan menghilangkan dukacita bagi isteri yang kematian suami. Justeru, setelah menelusuri pelbagai pandangan fuqaha' jelaslah menunjukkan bahawa '*iddah* disyariatkan kerana untuk tujuan ibadah, pembersihan rahim, menunjukkan rasa dukacita dan penghormatan terhadap suami, memberi selang masa untuk bertenang dan merujuk kembali serta meninggikan nilai-nilai baik yang diperlukan dalam sebuah perkahwinan. Oleh itu, hikmah pensyariatian '*iddah* ini merupakan *maqasid juz'iyah* yang sebenarnya berkait rapat untuk memelihara maqasid syariah yang lima itu *kuliyat al-khams*.

Namun begitu, kita mendapati masih timbul kemusykilan bahawa hikmah pensyariatian '*iddah* iaitu *baraatur rahim* ialah faktor yang paling besar. Berikut adalah beberapa pendapat ulama' mengenai hukum seputar hikmah '*iddah* adalah *baraatur rahim*, di antaranya ialah:

- Pertama, sebahagian golongan *syafi'iyah* berpendapat bahawa '*iddah* ialah tempoh masa menunggu yang harus dilalui oleh isteri untuk mengetahui kebersihan rahim, mengabdikan diri kepada Allah atau bela sungkawa atas kematian suaminya. Manakala golongan *Hanafiyyah* pula mentafsirkan '*iddah* sebagai suatu batas waktu yang ditetapkan bagi wanita untuk mengetahui kesan daripada perkahwinan atau perisetubuhan. Daripada dua definisi ini jelas menunjukkan bahawa tujuan '*iddah* adalah untuk mengetahui keadaan rahim wanita dan mengelakkan sebarang kemungkinan yang boleh membawa kepada kehamilan. Di atas faktor inilah maka tempoh masa atau '*iddah* itu disyariatkan.
- Kedua, lelaki tidak memiliki '*iddah*. Hal ini membuktikan bahawa hikmah ditetapkan '*iddah* adalah untuk mengetahui kesucian rahim, kerana penciptaan bayi itu berlaku dalam rahim wanita dan bukannya suami.
- Ketiga, '*iddah* bagi wanita hamil ialah dengan melahirkan anak. Justeru ini menunjukkan masa '*iddah* ditentukan dengan kehamilan, kerana ia adalah faktor yang menunjukkan kesucian dan kekosongan rahim.

4.0 Penggunaan Teknologi dan Kesannya dalam Menentukan Hukum '*Iddah*

4.1 Aplikasi Penggunaan Teknologi Dalam Menentukan Kesucian Rahim

Perkembangan ilmu sains dan teknologi pada masa kini telah memberi kesan yang besar kepada bidang keilmuan dan dapat merungkai masalah-masalah baru yang mungkin tidak ditemukan solusinya pada masa lampau. Bidang perubatan juga tidak terkecuali dalam hal ini. Antara penemuan baru di dalam bidang perubatan ialah penggunaan alatan seperti *Home Pregnancy Test (Testpack)* dan *Ultrasound (USG)* untuk mengetahui tentang keadaan rahim dan janin yang ada di dalamnya. Hal ini tentu sekali berkait rapat dengan hukum '*iddah* kerana berdasarkan hujah-hujah yang dinyatakan sebelum ini, hikmah '*iddah* yang terpenting ialah *baraatur rahim* iaitu memastikan kesucian atau kekosongan rahim wanita.

4.1.1 Penggunaan *Testpack*

Testpack atau *Home Pregnancy Test* ialah satu alat yang digunakan untuk mengetahui kehamilan dengan cara memeriksa hormon *HCG (Human Chorionic Gonadotropin)* yang terdapat di dalam air kencing. Hormon HCG ini hanya dirembeskan ketika berlakunya proses kehamilan iaitu secara lebih tepat ia dikeluarkan semasa pembentukan embrio setelah terjadinya proses persenyawaan. Hormon ini dapat ditemukan sama ada di dalam air kencing atau di dalam darah. Menurut Frandson (1993) HCG adalah suatu glikoprotein yang mengandungi galaktosa dan heksosamin. Kadar HCG meningkat di dalam darah dan air kencing disebabkan oleh penempelan ovum yang telah disenyawakan pada dinding rahim. Justeru, ia sangat sesuai untuk dijadikan kayu ukur atau petanda untuk memeriksa kehamilan. Kadar ketepatan hormon ini untuk memeriksa kehamilan ialah sebanyak 99%.

Prinsip yang digunakan di dalam alat ini dikenali sebagai *immuno-chromatographic assay* atau *immuno-chromatographic lateral flow test*.

Bentuk *testpack* pula terbahagi kepada dua iaitu *strip* dan *compact*. Bentuk *strip* perlu dicelupkan ke dalam air kencing yang telah diisi di dalam bekas. Sementara jenis *compact* ialah dengan menitisikan air kencing pada bahagian tertentu yang telah disediakan. Alat ini mengandungi dua jenis garis. Garis pertama memberi isyarat bahawa pemeriksaan yang dilakukan adalah benar atau disebut sebagai garis kontrol atau pengawal. Garis tersebut akan jelas kelihatan apabila *testpack* mendapat air kencing secukupnya untuk diuji. Sementara garis kedua menunjukkan keputusan daripada pemeriksaan tersebut yang merupakan bahagian yang mengandungi *antibody* yang bertindak balas dengan HCG dan berubah warna apabila wujudnya hormon ini. Penggunaan alatan ini membolehkan kita mengenalpasti kehamilan pada peringkat awal sekaligus mengetahui keadaan kesucian rahim.

4.1.2 Penggunaan *Ultrasound* (USG)

USG atau *ultrasound* ialah suatu alat untuk memeriksa organ dalaman tubuh manusia dengan menggunakan gelombang bunyi berfrekuensi sangat tinggi iaitu lebih daripada 20 KHz. Gelombang bunyi ini dibuat sebegini rupa sehingga mempunyai kadar efisiensi dan intensiti yang tinggi untuk menembus benda pepejal mahupun cecair, sehingga dapat diperolehi bayangan organ dalaman yang terdapat di dalam tubuh manusia. Dengan menggunakan teknologi pemrosesan komputer gelombang pantulan ini akan diproses oleh komputer untuk menghasilkan imej bagi organ. Imej yang dihasilkan akan dipaparkan pada skrin. Tidak seperti sinar X, *ultrasound* dapat menunjukkan gambaran secara terperinci dan menghasilkan gambaran janin secara tepat yang mirip dengan keadaan sebenarnya. *Ultrasound* mempunyai sangat banyak manfaat dan digunakan oleh doktor untuk tujuan memastikan kehamilan. Pemeriksaan USG dapat mengenalpasti usia kandungan di dalam rahim seawal lima hingga tujuh minggu. Hal ini dapat dilihat melalui kewujudan kantung di dalam rahim. Selain itu, USG juga dapat menentukan kehamilan tunggal atau lebih, mengira usia kandungan, mengetahui jantina bayi, mengetahui posisi plasenta dan keadaannya serta mengukur jumlah air ketuban. (Adora, 2015).

Justeru, kedua-dua alatan di atas jelas menunjukkan perjalanan mekanisma yang membolehkan alatan tersebut mendapatkan keputusan yang tepat dan jitu berkenaan dengan kehamilan seseorang wanita. Keputusan tentang kebersihan dan kekosongan rahim wanita dapat dikenal pasti secara yakin dalam tempoh masa yang singkat. Hal ini adalah kerana penggunaan alatan tersebut dapat memeriksa kandungan wanita sejak awal kehamilan lagi iaitu sekitar usia kandungan lima minggu. Sejalan dengan hal ini, kita dapat mengetahui kebersihan rahim wanita dalam waktu yang singkat dan hasil pemeriksaan yang tepat dan saintifik. Hal ini sekaligus boleh menjadi kayu ukur yang baru pada masa kini untuk mengetahui *baraatur rahim*, dan secara logiknya wanita tidak perlu ber'*iddah* atau menunggu dalam tempoh tiga bulan atau lebih untuk memastikan kekosongan rahimnya daripada kemungkinan tumbuhnya janin.

4.2 Kesan Penggunaan Teknologi Dalam Menentukan Hukum '*Iddah*

Setelah menelusuri dengan mendalam perbincangan sebelum ini, kita mendapati bahawa ulama' ada menyenaraikan hikmah '*iddah* yang sangat banyak, dan pada masa yang sama kebanyakan mereka menyatakan hikmah yang paling kuat ialah memastikan kebersihan rahim. Pada sisi yang lain, penemuan alatan teknologi yang canggih pada masa kini sehingga dapat memastikan kebersihan rahim juga telah ditemui dan diyakini ketepatan serta keberkesannya. Penggunaan alatan teknologi seperti *testpack* dan USG sangat berleluasa khususnya dalam bidang perubatan yang melibatkan seputar isu kehamilan dan perkembangan janin. Justeru, tentu sekali penggunaan alatan ini sangat berkait rapat dengan hikmah '*iddah*. Hal ini dapat memberikan justifikasi baru yang memungkinkan gugurnya fungsi '*iddah* dengan kewujudan alatan teknologi seperti ini.

Walau bagaimapapun, sekalipun kewujudan teknologi serba canggih ini dapat memeriksa kebersihan rahim, dan memungkinkan untuk gugurnya kewajipan '*iddah*, para ulama' tetap berpendapat bahawa kewajipan '*iddah* tetap wujud dan menjadi kewajipan yang mesti dipatuhi oleh semua wanita. Menggantikan kewajipan '*iddah* dengan alatan teknologi adalah haram dan tidak dibenarkan oleh syarak. Berikut merupakan hujah-hujah yang mengatakan kewajipan '*iddah* tetap tidak gugur, antaranya ialah :

- Pertama, perintah '*iddah* ialah ketentuan syarak yang diperintahkan oleh Allah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Dalam bahasa usul fiqhnya, '*iddah* termasuk dalam kategori *ghair ma'qulat al-makna* iaitu sebuah kewajipan yang harus diimani dan dilaksanakan oleh mukallaf tanpa banyak soal. Hal ini merujuk kepada faktor *ta'abbudi* yang mengandungi erti yang sangat mendalam bahawa '*iddah* ialah hak mutlak Allah sebagai *musyarri'* (peletak hukum).

- Kedua, para ulama Islam telah bersepakat bahawa tujuan syariat Islam ketika mensyariatkan sesuatu hukum berkait rapat dengan matlamat yang ingin dicapai. Imam Al-Syatibi ada mengatakan maqasid syariah ialah bertujuan untuk mengelakkan seseorang melanggar arahan yang mana larangan tersebut bertujuan untuk mencapai objektif syariat Islam walaupun cara mereka tidak bertepatan dengan syariat Islam. Dalam erti kata lain, menggunakan cara yang bertentangan dengan syariat Islam demi mencapai objektif syariat adalah tertolak. Sebaliknya, melaksanakan perintah tersebut mengikut cara-cara Islam adalah objektifnya. Justeru menggunakan cara yang dilarang seperti penggunaan alatan teknologi untuk mencapai maksud kebersihan rahim juga tertolak.

▪ Ketiga, para ulama' menerusi karya yang sangat banyak telah bersepakat bahawa fungsi 'iddah bukan hanya untuk memastikan kebersihan rahim wanita, bahkan untuk melaksanakan ibadah kepada Allah, berbela sungkawa di atas kematian suami, memberi tempoh masa perdamaian bagi pihak suami isteri serta menjaga hak-hak yang berkaitan dalam tempoh tersebut seperti hak nafkah dan keperluan tempat tinggal isteri. Hikmah-hikmah yang lain ini tidak dapat ditunaikan jika kewajipan 'iddah digugurkan bagi pihak isteri.

▪ Keempat, meskipun penggunaan ilmu teknologi dibenarkan dan diraikan oleh syarak, namun ia perlu disesuaikan dengan kaedah syarak. Hukum 'iddah ialah hukum yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran, hadith dan disepakati oleh para ulama' secara ijmak. Justeru, untuk menggugurkan kewajipan ini dan menggantikannya dengan alatan seperti *testpack* atau USG sebagai cara untuk memeriksa keadaan rahim adalah bertentangan dengan prinsip asas Islam kerana ia telah melanggar nas dan ijmak para fuqaha'. Namun, alatan tersebut boleh digunakan bertujuan untuk menguatkan bukti yang tidak membawa kepada pengguguran hukum atau diaplikasikan dalam kes yang boleh membantu menguatkan sesuatu pandangan seperti dalam menentukan keadaan rahim akibat daripada zina dan liwat syubhah.

▪ Kelima, meskipun penggunaan alatan *testpack* atau USG boleh membantu untuk mengetahui keadaan rahim wanita, namun begitu terdapat kelemahan yang boleh menjejaskan ketepatan hasil. Sebagai contoh, nilai sensitiviti setiap *testpack* berbeza-beza menatijahkan hasil yang tidak sama dan menjejaskan ketepatan sebahagian daripadanya. Selain itu, tempat penyimpanan yang tidak sesuai boleh menyebabkan kerosakan alat tersebut. Waktu pengambilan air kencing yang tidak sesuai juga boleh menjejaskan keputusan (Maria Ulfa, 2013). Sementara USG juga tidak terkecuali daripada kelemahan antaranya, keputusannya tidak 100% tepat terutamanya melibatkan kehamilan pada usia kurang 20 minggu dan dalam beberapa keadaan gelombang suara tidak dapat dihasilkan. Justeru, dengan adanya kelemahan-kelemahan dalam menggunakan alatan ini, maka adalah tidak wajar untuk meletakkan pergantungan 100% pada alatan ini untuk memeriksa keadaan rahim wanita sekaligus mengeneipkan perintah 'iddah.

5.0 SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan penemuan kepada kajian ini, maka penulis berharap ianya dapat memberi sumbangan yang besar kepada beberapa kumpulan masyarakat. Justeru, penulis terpanggil untuk memberi cadangan kepada kumpulan berikut bertitik tolak daripada kajian ini:

5.1 Saranan kepada pengkaji akan datang

(i) Kajian ini hanya melibatkan penggunaan alatan teknologi dalam aspek yang berkaitan dengan hukum 'iddah dan kesannya sahaja. Maka diharapkan kepada pengkaji akan datang lebih produktif mencari isu-isu fikah semasa lain yang lebih kontemporari dan ada hubungkait dengan penggunaan teknologi hari ini.

(ii) Kajian ini membawa pertimbangan daripada sudut pandang maqasid syariah. Justeru, maqasid semasa yang lebih mencapah dan lebih kontemporari perlu lebih digilap dalam membahaskan isu yang berkaitan dengan fikah semasa untuk memberi kefahaman dan hujah kepada orang awam mahupun golongan orientalis.

5.2 Saranan kepada masyarakat

(i) Masyarakat perlu peka terhadap penggunaan teknologi dalam kehidupan mereka yang berkaitan dengan hukum agama agar tidak terjerumus dalam kesalahan beramal.

(ii) Masyarakat tidak boleh menjadikan teknologi sebagai jalan singkat untuk memenuhi sesuatu kehendak khususnya dalam persoalan ibadah. Keaslian dalam ibadah perlu dipelihara sebaiknya dan diwarisi oleh generasi demi generasi. Justeru, masyarakat perlu merujuk ulama' yang pakar dalam bidang tersebut sebelum melakukan sesuatu perkara khususnya berkaitan ibadah.

5.3 Saranan kepada pengamal perubatan

(i) Pengamal perubatan perlu sebaiknya memanfaatkan alatan teknologi hari ini. Penggunaan teknologi yang tidak bercanggah dengan prinsip asas Islam perlu diperluas dan ditambah baik. Sebaliknya, penggunaan alatan yang membawa kesan kepada hukum haram dan boleh membawa kepada haram mesti dielakkan dan tidak boleh dipraktikkan sama sekali.

(ii) Pengamal perubatan perlu mendapatkan khidmat nasihat mufti atau pakar rujuk agama dalam mengendalikan kes-kes atau alatan perubatan yang berkait rapat dengan hukum fikah dan jika perlu penasihat syariah perlu dilantik di hospital-hospital mahupun klinik untuk mengawasi kes-kes yang berkaitan dengan syariah.

5.4 Saranan kepada penguatkuasa agama

(i) Para mufti dan jawatankuasa agama perlu lebih proaktif mengadakan muzakarah dan menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat terutama yang berkaitan dengan fikah semasa. Dalam masa yang sama, sudut pandang

maqasid syariah perlu diperluas untuk memberikan kefahaman yang menyeluruh kepada masyarakat dan melatih mereka untuk berfikir dalam kerangka yang lebih mencapah dan sistematik.

(ii) Garis panduan syariah (*dhawabit syar'iyah*) dan hasil muzakaran perlu diperjelaskan dengan lebih sistematik kepada masyarakat. Pemilihan bahasa yang mudah dan medan untuk menyampaikan maklumat perlu diperkasa dan dititikberatkan demi memastikan maklumat tersebar kepada seluruh masyarakat dan boleh difahami dengan baik.

KESIMPULAN

Pensyariatan *'iddah* telah diperintahkan oleh Allah dan disepakati oleh para ulama' secara ijmak. Ia adalah satu kewajipan yang jelas dan tidak ada khilaf padanya. *'Iddah* juga disyariatkan untuk memelihara empat hak iaitu hak Allah, hak suami, hak isteri dan hak anak-anak. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pensyariatan *'iddah* ialah untuk membawa kemaslahatan kepada kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Para ulama' maqasid juga mementingkan pelaksanaan hukum melebihi objektif pensyariatan hukum. Ini bermakna melakukan sesuatu atas dasar perintah Allah (*ta'abbudi*) terlebih utama daripada mencapai hikmah di sebalik sesuatu hukum. Tambahan pula, di dalam pensyariatan *'iddah*, hikmah-hikmahnya tidak disebutkan secara jelas di dalam Al-Quran mahupun As-Sunnah. Ianya terbit hasil daripada ijihad para ulama' untuk merasionalkan hukum tersebut. Oleh yang demikian, amatlah tidak wajar untuk mengatakan kewajipan *'iddah* gugur semata-mata kerana telah mencapai salah satu daripada hikmahnya. Maka, penggunaan alatan teknologi canggih pada hari ini tidak dapat mengubah ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t mengenai hukum *'iddah*.

Perkembangan ilmu sains dan teknologi yang semakin pesat hari ini sangat memberi keuntungan besar kepada tradisi keilmuan Islam. Meskipun begitu, penggunaan alatan ini dalam kerangka hukum fikah perlu diteliti dan diperhalusi terlebih dahulu. Ia perlu dilihat secara menyeluruh daripada pelbagai aspek. Jelas bahawa penggunaan alatan yang tidak bercanggah dengan prinsip asas Islam amat dituntut dan sebaliknya. Di dalam hukum *'iddah*, penggunaan alatan ini tidak dapat menggugurkan hukum kerana ia amat bercanggah dengan ketetapan yang telah diputuskan oleh Al-Quran, As-Sunnah dan ijmak ulama'. Adapun sebarang isu yang tidak membawa kepada pengguguran hukum bahkan dapat menguatkan hukum seperti mengenalpasti keadaan rahim akibat zina atau liwat syubhah maka ianya diperbolehkan. Selain itu, secara lumrahnya semua alat ciptaan manusia terdedah kepada beberapa kelemahan termasuklah penggunaan *testpack* dan USG. Natiujahnya, ia boleh menjejaskan kadar ketepatan sesuatu maklumat dan mengundang pelbagai risiko yang tidak diinginkan. Oleh yang demikian sudah terang lagi bersuluh bahawa penggunaan alatan ini tidak dapat memberi kesan kepada pengguguran hukum kerana ia juga terdedah kepada kelemahan.

'Iddah juga sangat berkait rapat dengan maqasid syariah yang lima iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagaimana yang telah dihuraikan dengan terperinci sebelum ini. Pensyariatan *'iddah* adalah untuk memastikan kemaslahatan umat manusia kerana di sana terangkumnya penjagaan maqasid dari sudut lima aspek. Seandainya penggunaan teknologi boleh menggantikan hukum *'iddah*, maka aspek maqasid yang hanya dijaga dalam konteks ini ialah menjaga nyawa dan keturunan sahaja. Sedangkan *'iddah* turut disyariatkan bertujuan untuk menjaga agama, harta dan akal yang secara tidak langsung telah diabaikan dengan konklusi sedemikian. Selain itu, para ulama' maqasid juga telah menyenaraikan hiraki maqasid dari sudut keutamaan. Maqasid menjaga agama perlu diutamakan di atas segala yang lain kemudian diikuti oleh maqasid menjaga nyawa kemudian akal kemudian keturunan dan seterusnya harta. Maka, sekiranya bertembung di antara keperluan menjaga agama dan nyawa atau keturunan maka keutamaan pada ketika ini perlu diberikan untuk menjaga agama. Justeru, dalam hal ini konsep *ta'abbudi* iaitu melaksanakan *'iddah* dengan tujuan untuk beribadah kepada Allah perlu didahulukan atas sebab-sebab yang lain. Justeru, memelihara kebersihan rahim adalah untuk memenuhi maqasid menjaga nyawa dan keturunan, hal ini tidak boleh ditentukan dengan penggunaan alatan teknologi semata-mata, bahkan hukum *'iddah* untuk terpakai untuk perempuan yang diwajibkan ke atasnya hukum tersebut.

Oleh yang demikian, semoga kajian perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam menentukan hukum *'iddah* dari perspektif maqasid syariah dapat memberi manfaat yang besar khususnya kepada pengkaji lain, para ilmuan, masyarakat, pengamal perubatan dan penguatkuasa agama untuk lebih proaktif mengatur langkah selamat dalam hal yang berkaitan dengan teknologi dan hukum hakam agama seperti saranan yang telah disebutkan di atas.

RUJUKAN

- Ibnu 'Asyur, Muhammad al-Tahir. (1998). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, al-Basair li al-Intaj al-Ilmi, Cetakan 1, Halaman 171.
- Ali Ahmad Jurjawi. (1938). *Hikma at-Tasyri' wa Falsafatuhu*, Mesir: Dar al-Fikr, Halaman 321-322.
- Amir Syarifuddin. (2006). *Hukum Perkahwinan Islam di Indonesia*. Jakarta:Kencana, Halaman 303.
- Al-Ansari, Zakariyya. (1997). *Manhaj Al-Tullab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Cetakan 1.
- Art. "Technology" in *Encarta Encyclopaedia* dari laman <http://encarta.msn.com>., 14 Julai 2018.
- Asafri Jaya Bakri. (1996). *Konsep Maqashid Syari'ah Menurut Al-Syatibi*, Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada, Halaman 60.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. (2000). *Dhawabit al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiah*, Beirut: Muassah al-Risalah, Cetakan 6, Halaman 23.
- Al-Fayruz Al-Abadi. (1997). *al-Qamus al-Muhit*, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, Cetakan 1, Jilid 1, Halaman 449.
- Al-Ghazali. (1993). *Al-Mustasfa fi Ilmil Usul*, Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiah, Cetakan 1, Jilid 1, Halaman 172.
- Al-Hasani, Ismail. (1995). *Nazariyyat al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tahir ibn al-'Asyur*, Virginia: International Institute of Islamic Thought, Cetakan 1, Halaman 114-115.
- Hasanudin. (2015). *Kedudukan Teknologi Dalam Menentukan 'Iddah Ditinjau Dari Maqasid al-Syariah dan Prospek Pengembangan Hukum Islam*, Bandung: Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Halaman 40-42.
- Al-Jaziri, Abd ar-Rahman. (2003). *al-Fiqh 'ala Mazahib al-'Arba'ah*, Beirut: Dar al-Fikr, Cetakan 2, Jilid 4, Halaman 513-517.
- Kamal Mukhtar. (1980). *Asas Hukum Perkahwinan*, Jakarta, Cetakan 2, Halaman 230.
- Maria Ulfa. (2013). *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Testpack Sebagai Pengganti Masa 'Iddah*, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Halaman 71.
- Ibnu Munzir. (1993). *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, Cetakan 3, Halaman 702-703.
- Numan Jughaim. (2002). *Turuq al-Kashf 'an Maqasid as-Syari'*, Amman: Dar an-Nafais, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Halaman 26-35.
- .Nunung Radliyah. (2009). *Fungsi Iddah bagi Perempuan (Perspektif Hukum Perkahwinan Islam)*, dalam *Al-Ahwal –Jurnal Hukum Keluarga Islam*, Jilid 2, No.2 (Mac) Halaman 303-304.
- Nurnazli. (2017). *Relevansi Penerapan 'Iddah Di Era Teknologi Modern*, Dosen Fakultas Syariah UIN Raden Intan Lampung, Halaman 132-133.
- P.E.S Palmer. (2001). *Panduan Pemeriksaan Diagnostik USG*, Terjemahan: Andry Hartono, Jakarta, **Halaman 20-23**.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1995). *Nazariyyat al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi*, Riyadh: al-Dar al-Kutub al-Alamiyyah li al-Kitab al-Islami, Cetakan 4, Halaman 18.
- Al-Sayyid Sabiq. (1977). *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, Cetakan 2, Jilid 2, Halaman 277.